

15 OCT 2003

OIC-Saudi

ARAB SAUDI AKUI STRUKTUR OIC PERLU ROMBAKAN, IKRAR SOKONGAN

Oleh: Razee Hasan (membetulkan struktur ayat pada para 2)

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Arab Saudi mengakui bahawa struktur organisasi OIC perlu disusun semula supaya badan itu, yang mewakili kepentingan 1.3 bilion umat Islam di dunia, lebih cekap dan relevan.

Menteri Luarnya Putera Saud Al Faisal berkata Arab Saudi berikrar menyokong usaha itu sehingga menjadi satu realiti semasa Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di sini.

Dalam satu temuramah dengan Bernama, Putera Saud berkata: "Usaha Malaysia melantik jawatankuasa pakar bagi mengemaskini struktur OIC adalah amat baik dan diharapkan akan dipersetujui pada sidang kemuncak ini."

Arab Saudi membiayai pentadbiran Sekretariat OIC yang berpangkalan di Jeddah dan menjadi penyumbang utama kepada Bank Pembangunan Islam (IDB) yang juga beribu pejabat di sana.

Putera Saud mengiringi Timbalan Perdana Menteri Arab Saudi Putera Mahkota Abdullah bin Abdul Aziz untuk lawatan dua hari ke Malaysia dan menghadiri sidang kemuncak OIC yang dirasmikan esok.

Menjawab soalan lain, Putera Saud berkata lebih baik jika OIC terus berperanan sebagai kumpulan pendesak membela nasib rakyat Palestin daripada terlibat langsung dengan jawatankuasa empat pihak untuk memantau pelaksanaan pelan damai Israel-Palestin.

"Penglibatan OIC secara langsung dalam kumpulan berkenaan akan hanya membawa banyak masalah," katanya.

Jawatankuasa empat pihak itu kini dianggotai Amerika Syarikat, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Kofi Annan, Kesatuan Eropah (EU) dan Rusia.

Mengenai hubungan dua hala Malaysia-Arab Saudi, beliau berkata hasil rundingan antara Putera Mahkota Abdullah dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kedua-dua negara bersetuju memperluas kerjasama dalam bidang ekonomi, pelancongan dan pelaburan.

-- BERNAMA

RH RYN RON